

18 DEC 1998

pemaju-senarai hitam

KEMENTERIAN SENARAI HITAM PEMAJU TIDAK PATUHI SYARAT JUAL BELI

SHAH ALAM, 18 Dis (Bernama) -- Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan menyenaraihitamkan pemaju perumahan yang tidak menyiapkan projek perumahan.

Timbalan Menterinya, Datuk Azmi Khalid berkata walaupun kerajaan menggalakkan para pembeli merebut peluang membeli rumah, sepanjang tempoh Kempen Pemilikan Rumah yang bermula minggu lepas, namun ia tidak bermakna kerajaan akan bertolak ansur dengan projek perumahan yang tidak siap.

Beliau berkata para pembeli perlu meneliti dan memahami kandungan perjanjian jual beli rumah sebelum menandatangani atau membuat sebarang pembayaran.

"Setelah ditandatangani, pembeli tidak boleh meminda perjanjian tersebut, selain memastikan pembinaan dilakukan mengikut perjanjian," katanya dalam sidang berita selepas melancarkan jualan Kondominium Fasa 2B, Bandar Baru Klang, di sini hari ini.

Minggu lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melancarkan Kempen Pemilikan Rumah dengan menawarkan pelbagai tawaran menarik untuk pembeli rumah, bagi tempoh sebulan mulai 12 Dis lepas, yang disertai 222 pemaju perumahan berdaftar dengan Persatuan Pemaju Perumahan (HDA).

Azmi berkata mulai tahun depan, pemaju perumahan dikehendaki menyediakan garis panduan khas, yang perlu difahami oleh para pembeli sebelum perjanjian jual beli ditandatangani.

Beliau berkata garis panduan itu antara lain menyatakan aspek perundangan membabitkan tanggungjawab pembeli dan pemaju, plan tanah, tapak projek dan lokasi bangunan serta latar belakang pemaju tersebut.

"Sekarang kita berada dalam keadaan "buyer market" yang mana pembeli boleh memilih untuk tidak membuat bayaran sehingga perjanjian jual beli rumah ditandatangani, sedangkan sebelum ini kita berada dalam keadaan "seller market", yang mana pembeli yang inginkan rumah sanggup membuat bayaran terlebih dahulu sebelum menandatangani perjanjian, dan perkara ini juga harus dimasukkan dalam garis panduan tersebut," katanya.

-- BERNAMA

AZH RI